

Jenis Akhbar : Berita Harian Ahad  
Tarikh : 14/06/2020  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12  
Tajuk : MEDAC wujud aplikasi 'rider' edar hasil tani

## MEDAC wujud aplikasi 'rider' edar hasil tani

**Kuching:** Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) akan mewujudkan aplikasi 'rider' atau penunggang penghantar barangan mirip Grab Food dan foodpanda bagi memudahkan produk pertanian serta perikanan, terutama dari luar bandar, diedar kepada pengguna dan pusat jualan.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata pihaknya tidak berniat menyai-nyai dua syarikat penghantar makanan itu sebaliknya bertujuan melengkapi sistem penghantaran barangan selaras perkembangan perniagaan cara baharu.

Katanya, SME Corp Malaysia iaitu agensi di bawah MEDAC, akan membangunkan aplikasi itu yang dijangka dilancarkan tidak lama lagi.

"Kita merancang membentuk pasukan 'rider' sendiri supaya produk pertanian dan perikanan dapat dihantar dengan cepat kepada pelanggan dan pusat jualan.

"Sekarang memang ada individu bertindak sebagai penghantar produk pertanian tetapi kita



**Wan Junaidi memetik cili jenis Gronong@Hebanero yang ditanam menggunakan teknologi tinggi ketika melawat Pusat Pemprosesan Kekal Tanaman & Makanan (TKPM) Rampangi di Kuching, semalam.** (Foto BERNAMA)

mahu meningkatkan perkhidmatan dengan memanfaatkan teknologi seperti Grab Food dan Foodpanda," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri perjumpaan bersama ketua-ketua agensi di bawah MEDAC di sini, semalam.

Wan Junaidi berkata, jika Grab

Food dan foodpanda menyediakan perkhidmatan penghantaran makanan, penunggang diwujudkan MEDAC pula akan menghantar apa sahaja produk pertanian dan perikanan termasuk makanan.

Beliau berkata, satu lagi agensi MEDAC iaitu Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TE-

KUN) Nasional akan menyediakan pembiayaan kepada 'rider' membeli kenderaan untuk menyertai perkhidmatan itu.

Sementara itu, beliau berkata Bank Rakyat akan menyediakan perkhidmatan bank bergerak di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan bank di luar bandar Sarawak.